

Kukuhkan patriotisme melalui 'Negaraku'

ADAKAH anda berasa marah jika dalam keadaan hiruk pikuk, orang ramai tidak mengendahkan lagu *Negaraku* yang berkumandang? Marahkah anda jika ada seorang insan yang menyanyikan lagu *Negaraku* lain daripada nada dan irama yang sepatutnya? Tercabarkah anda sebagai seorang warga negara jika terdapat individu yang mempersendakan lagu Kebangsaan?

Sebenarnya negara kita dilanda kekurangan semangat patriotisme di kalangan masyarakat pada masa kini. Kita masih lagi sibuk memikirkan bagaimana untuk memperkasakan nama negara di persada antarabangsa tetapi alpa bahawa kita sendiri tidak menghayati kewarganegaraan dan kemerdekaan kita sendiri.

Setiap hari terlalu banyak titisan air mata yang tumpah di pelusuk dunia disebabkan peperangan dan wabak tetapi rakyat kita masih lupa bagaimana dan sebab apa kita merdeka.

Tidak perlu kita menuding jari kepada budaya kuning yang dikatakan penyebab kurangnya semangat patriotisme di kalangan kita. Jari berkenaan perlu dituding kepada diri kita sendiri. Jika ketika ini kita berada di dalam bangunan pejabat sila lihat di sekeliling kita berapa banyakkah bendera yang berada di dalamnya.

Jika ketika ini kita berada di pusat beli-belah, berapa banyakkah bendera yang dikibarkan? Tidak ada peraturan yang menghukum bahawa menjadi satu kesalahan untuk mengibarkan Jalur Gemilang.

Jangan kita menjadi seperti Amerika Syarikat di mana kelibat bendera mereka hanya kelihatan berleluasa seperti wabak hanya selepas berlakunya insiden 11 September? Hanya selepas sesuatu tragedi berlaku barulah masyarakat sesuatu negara mahu bersatu padu.

Saya ingin menyorot kisah ketika saya berada di Amerika Syarikat di sekitar hujung tahun 90-an. Warga Amerika cinta akan lagu *Star Spangled Banner*. Lagu berkenaan berkumandang bukan hanya seperti di Malaysia yang kebanyakannya di perhimpunan pagi sekolah tetapi di setiap perlawanan sukan.

Jika hendak dimulakan nyanyian lagu *Negaraku*, mulakan melalui platform ini. Sukan boleh menyatukan masyarakat. Fenomena ini sedikit sebanyak akan mengikis semangat kenegerian yang masih menebal di kalangan masyarakat Malaysia sekarang.

Sebenarnya semangat kenegerian memang amat diperlukan tetapi bukan sekarang. Ia amat diperlukan ketika zaman menjelang kemerdekaan di mana semangat berkenaanlah yang menggerakkan inisiatif kemerdekaan tetapi pada zaman dunia tanpa sempadan, semangat itu sedikit sebanyak memainkan peranan meretakkan kesepaduan kemerdekaan yang kita capai.

Tidak banyak negeri yang akan berdiri dengan sendirinya tanpa wujudnya gagasan Malaysia. Ada negeri yang tidak mempunyai bekalan air sendiri, sumber alam semula jadi dan kekuatan kewangan yang teguh. Kita memerlukan satu sama lain untuk menentukan hala tuju dan jatuh bangunnya negara kita.

Sempena ulang tahun kemerdekaan ke-50, kita tidak mahu lagi rungutan mengenai nyanyian lagu *Negaraku*. Ia sepatutnya lahir sendiri dan tidak perlu menunggu iringan muzik untuk menyanyikan lagu kebangsaan.

MOHAMMAD NOORIZZUDDIN NOOH,

*Fakulti Ekonomi dan Muamalat,
Universiti Sains Islam Malaysia
(Usim), Nilai.*